
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SPU312 – Teori dan Praktik Penyelesaian Konflik

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) daripada soalan-soalan di bawah. Setiap soalan membawa 100 markah.

1. C.R. Mitchell memberikan penjelasan mengenai konflik dengan mengaitkan tiga komponen utama dalam struktur segitiga konflik, iaitu situasi, tingkahlaku dan sikap. Apakah yang Mitchell maksudkan dengan ketiga-tiga komponen ini? Huraikan perkaitan antara komponen-komponen ini dengan mengaitkan mereka dalam satu contoh konflik antara dua atau lebih kumpulan.
2. Hugh Miall membahagikan pengurusan konflik kepada tiga bahagian utama iaitu pencegahan, pengawalan, dan penamatan konflik. Bincangkan ketiga-tiga bahagian ini dengan menjelaskan komponen-komponen utama mereka. Berikan contoh-contoh yang relevan untuk menerangkan setiap komponen.

3. Ketiga-tiga penulis di bawah mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam membincangkan isu-isu perdamaian dan penyelesaian konflik. Berikan hujah-hujah utama mereka, dan nyatakan perbezaan antara pendekatan-pendekatan yang mereka gunakan:
- a) Morton Deutsch
 - b) Adam Curle
 - c) Michael Howard
4. Apakah mediasi / pengantaraan (mediation) dan bilakah masanya ia digunakan? Terangkan perbezaan antara mediasi dengan arbitrase (arbitration) dan fasilitasi (facilitation) mengikut Mark Hoffman. Terangkan langkah-langkah yang sepatutnya diambil di dalam proses mediasi untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik.

- 000 0 000 -